

PANDUAN PENANAMAN KANGKUNG

PENANAMAN

PENYEDIAAN TANAH

Tanah perlu dibajak dan digembur dua kali sedalam 15-20 cm. Kemudian batas yang berukuran 1.2 m lebar, 7.5 m panjang dan 20-30 cm tinggi disediakan. Alur dibuat merintang batas dengan jarak 20 cm dan sedalam 3 cm untuk menabur benih.

MENANAM

Biji benih kangkung boleh ditanam terus ke atas batas atau pasu. Sebanyak 46 g biji benih sebatas (30kg biji benih/sehektar) ditabur jarang-jarang ke dalam alur-alur. Selepas 10 - 14 hari, penjarangan dibuat mengikut ukuran yang disyorkan, iaitu 20 cm antara baris (alur) dan 10 cm antara pokok.



PEMBAJAAN

Bagi tanah mineral, baja organan digaulkan ke dalam batas untuk menentukan kesuburan pokok. Pembajaan yang disyorkan adalah seperti berikut :-

| Pusingan | Masa | Jenis Baja | Kadar/ Batas (7.5 x 1.2 m) | Kadar/Hek (650 Batas) |
|----------|-----------------|--------------|----------------------------|-----------------------|
| 1 | Sebelum menanam | Baja Organan | 6kg | 4 tan |
| 2 | 2 minggu | NPK 15:15:15 | 0.4 kg | 0.25 tan |
| 3 | 3 minggu | NPK 15:15:15 | 0.5 kg | 0.25 tan |

PENGAIRAN

Kangkung memerlukan air yang banyak untuk tumbesarnya. Penyiraman air dua kali sehari dalam musim panas, secara manual atau sistem pengairan renjis adalah disyorkan.

KAWALAN RUMPAI

Kawalan rumpai dilakukan secara manual dengan kadar dua kali sepanjang umur pokok. Racun glufosinate ammonium boleh digunakan di keliling batas dan parit.

KAWALAN SERANGGA PENYAKIT

Kangkung jarang diserang oleh serangga. Penyakit utama yang menyerang ialah :-

| Jenis Penyakit | Kawalan |
|---------------------------------------|---|
| Karat Putih (Albugo pomoeae aquatica) | Amalkan tanaman giliran Sembur racun mancozeb |

PENGUTIPAN HASIL

Kangkung boleh dipungut hasilnya 30 hari selepas ditanam. Pokok dicabut bersama akar dan dibasuh dalam air. Pengeluaran hasil adalah di antara 10 - 15 tan/ha. Purata hasil dianggarkan sebanyak 12 tan/ha.